

# SC, SEBI tandatangani MoU kerjasama

UM 15 MAY 2001

**KUALA LUMPUR 14 Mei** - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Securities and Exchange Board of India (SEBI) bagi memperkukuhkan saluran komunikasi dan menubuhkan rangka kerjasama saling bantuan antara kedua-dua pihak.

Selain itu, MoU tersebut yang ditandatangani di Putrajaya hari ini akan membantu dalam melindungi kepentingan peserta pasaran dan memastikan pembangunan asaran sekuriti serta niaga hadapan yang adir dan teratur bagi kedua-dua negara.

SC dalam satu kenyataan berkata "MoU itu menandakan keperluan kerjasama lebih erat antara India dan Malaysia bagi mengawal dan membangunkan pasaran sekuriti dan niaga hadapan secara berkesan.

"Ini memandangkan dagangan melepasi sempadan dan hubungan antara pasaran yang semakin meningkat yang dibawa oleh proses globalisasi pasarankewangan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan tersebut, MoU itu untuk mengawal selia dan memperakui kepentingan penyediaan bantuan serta pertukaran maklumat dalam membantu dan memastikan pematuhan undang-undang antara kedua-dua negara.

MoU itu juga menyediakan bantuan dan mengambil tindakan terhadap dagangan dalam-an, manipulasi pasaran dan salah laku dalam dagangan sekuriti, jelas kenyataan itu.

Majlis tandatangan MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri kedua-dua negara iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed dan Atal Bihari Vajpayee.

Menurut Pengerusi SC pula, "kerjasama Selatan-Selatan adalah penting bagi pertukaran maklumat, tatacara dan kemahiran di kalangan negara-negara selatan".

MoU tersebut merupakan yang ketiga belas ditandatangani oleh SC bersama rakan sejawat pengawal selia pasaran.